

BAB
SATU

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Dalam bahagian pendahuluan ini, penulis akan menerangkan secara ringkas mengenai latar belakang kajian penyelidikan yang dilakukan oleh penulis. Selain itu, bahagian ini turut memuatkan beberapa perkara penting yang perlu ada dalam sebuah penulisan ilmiah seperti skop kajian, objektif kajian, metodologi kajian dan kajian perpustakaan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.

Kemasukan Islam di Andalus pada tahun 711 M sehingga 1492 M merupakan satu titik penting dalam sejarah tamadun Islam di Eropah. Kehadiran Islam di Andalus bukan sahaja menghapuskan penindasan dan kekejaman pemerintah-pemerintah Kristian sebelumnya, tetapi juga berjaya membentuk sebuah tamadun Islam yang unggul serta masyarakat intelek yang menjadi model kepada seluruh masyarakat di Eropah. Pada dasarnya, tamadun Islam di Andalus ini lahir daripada sumber agama Islam di samping kebudayaan-kebudayaan lain yang terdapat di sekitarnya.

Tamadun Islam Andalus telah mempersempahkan kepada masyarakat Barat satu tamadun yang gilang-gemilang dalam bidang ilmu pengetahuan yang

menyedarkan Eropah daripada kegelapan dan kejahanan yang mencengkam kehidupan mereka pada waktu itu. Seorang sarjana Islam bernama A.Rahim menyatakan bahawa;

The Arabs were the torch-bearers of civilization and culture in the Middle Age. They gathered and assimilated the culture and learning of the ancient world, developed them to a marvellous degree and finally transmitted them to Europe which produced Renaissance or re-birth of learning in that continent. In this transmission of learning and culture, Arab Spain played an important role (A.Rahim, 1960: 324).

Sarjana-sarjana Islam dari Timur dan Andalus telah berjaya memberikan sumbangan yang besar kepada pertumbuhan dan perkembangan kegiatan keilmuan khususnya dalam bidang sains tulen yang kemudiannya menjadi asas kepada kebangkitan sains dan teknologi negara-negara Barat. Sarjana dan cendekiawan Islam seperti Ibn Rushd, Ibn Sina, Ibn Khaldun, Ibn Bajjah, Al-Zahrawi, Jabir bin Aflas dan lain-lain lagi telah menggunakan seluruh kehidupan mereka dalam usaha menyelidik dan meneroka berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan baru tanpa meninggalkan sumber al-Quran dan hadis. Mereka turut memperkembangkan ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada warisan tamadun Greek-Yunani yang telah lama ditinggalkan oleh sarjana terdahulu. Dengan itu, lahirlah karya-karya agung dalam bidang sains, sejarah, falsafah, undang-undang, perubatan, ilmu-ilmu keagamaan, kesusasteraan dan lain-lain.

Selain kecemerlangan para sarjana Islam, minat yang mendalam, sokongan serta penglibatan para pemerintah Islam Andalus seperti Abdul Rahman III (822-852 M) serta Al- Hakam II (961-976 M) dalam aktiviti-aktiviti keilmuan merupakan satu faktor dorongan yang tidak ternilai yang membantu menyemarakkan kegiatan keilmuan di Andalus. Hasil dorongan ini juga, maka semua lapisan masyarakat tanpa

mengira agama dan keturunan telah sama-sama memberikan sumbangan dalam memajukan berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan di Andalus. Di samping itu, fenomena polemik di sekitar agama dan falsafah, teologi dan sains telah berjaya memunculkan berbagai-bagai aliran pemikiran di kalangan umat Islam sekaligus turut mempengaruhi kelahiran institusi-institusi keilmuan dalam jangka masa tersebut.

Pada zaman kegemilangannya, Andalus telah muncul sebagai sebuah pusat intelektual Islam yang terpenting. Andalus dikatakan banyak mempunyai institusi pendidikan, perpustakaan, istana, masjid, tempat mandi umum dan taman serta kebun yang indah. Menurut Al-Maqqdisi, pada abad ke10 M, Kota Kordova yang menjadi pusat pemerintahan Islam telah muncul sebagai bandar termaju di dunia serta pusat kebudayaan dan ilmu pengetahuan kerana mempunyai 37 buah perpustakaan, 150 buah hospital, 300 sekolah awam, 900 tempat mandi umum dan 1600 sehingga 3837 buah masjid di sekitarnya. Andalus menjadi saingen kota kebudayaan lain seperti Qayrawan, Damascus dan Baghdad.

Andalus juga telah mencapai satu tahap yang tinggi dalam penggunaan bahasa Arab seperti yang dapat dilihat melalui hasil kesusastraan yang hebat seperti dalam bidang puisi, nahu, leksikografi, persuratan, sejarah dan geografi, agama, falsafah dan sains tulen. Tingkat kemahiran dan daya kreatif yang tinggi pula dapat diperhatikan melalui hasil seni dan seni binanya, dalam bidang muzik, pertanian, perdagangan dan industri. Justeru, pada zaman kegemilangannya, Andalus begitu dikagumi oleh seluruh masyarakat dunia.

Kemasyhuran para sarjana Islam dalam ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang sains tulen telah berjaya menarik minat ramai pelajar dari seluruh Eropah dan Timur. Sejak awal abad ke 10 M lagi, ramai sarjana dari Perancis, England, Itali dan German datang ke Andalus untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Mereka mendalamai kebudayaan Islam sekaligus mempelajari bahasa Arab yang menjadi bahasa ilmu pengetahuan pada zaman tersebut. Ilmu ini menjadi satu aset bagi mereka dalam usaha melakukan penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin. Bahasa Latin ialah bahasa kebudayaan dan perhubungan seluruh masyarakat Kristian di wilayah Eropah Latin .

Bandar Toledo di Andalus telah muncul sebagai pusat kegiatan penterjemahan. Para sarjana Barat telah berusaha keras menterjemah hasil-hasil karya sarjana Islam. Selain itu, tulisan-tulisan Aristotle, Euclid, Ptolemy, Galen, Hippocrates dan lain-lain yang telah diterjemah dan dikupas oleh sarjana Islam Andalus ke dalam bahasa Arab kini diterjemahkan pula ke bahasa Latin dan bahasa Eropah yang lain oleh sarjana Yahudi dan Kristian yang pernah menjadi murid kepada sarjana-sarjana Islam.

Antara tokoh sarjana Barat yang terlibat dalam usaha penterjemahan ini ialah Constantine of African, Adelard of Bath, John of Seville, Gerald of Cremona, Roger Bacon, Michael Scotus, Gundisalvi, Petrus Alphonse dan William Okham. Bermula daripada kemasukan para sarjana Barat ke pusat-pusat pengajian tinggi dan aktiviti penterjemahan yang dilakukan oleh mereka inilah, satu persatu ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh sarjana Islam Andalus dipindahkan ke negara Barat.

Aktiviti penterjemahan ini dianggap sebagai jalan utama pengaliran ilmu daripada tamadun Islam ke Eropah pada zaman tersebut.

Pengaliran ilmu ini dilihat sebagai suatu sumbangan besar tamadun Islam kepada Eropah pada Zaman Pertengahan. Sumbangan tamadun Islam bukan sahaja dalam peminjaman dan pertukaran idea, tetapi juga melahirkan perspektif yang baru dalam kegiatan intelektual di Eropah sehingga mereka mencapai Renaissance.

Walau bagaimanapun, hanya segelintir sahaja daripada masyarakat kini yang mengetahui mengenai sumbangan tamadun Islam Andalus kepada masyarakat Barat. Hal ini kerana mereka telah disogokkan dengan segala maklumat dan tipu helah orang Barat yang cuba menafikan keunggulan dan kegemilangan tamadun Islam Andalus dan segala ilmu pengetahuan Islam yang pernah diperoleh oleh mereka di Andalus pada suatu masa dahulu.

Justeru, untuk mengetahui cara tamadun Islam mengalir ke dunia Barat sehingga memungkinkan masyarakat Kristian Eropah yang mundur mengakhiri Zaman Gelap dan seterusnya mencipta satu tamadun baru, maka penulis memilih tajuk '*Peranan Andalus sebagai pusat pengaliran ilmu dari tamadun Islam ke Eropah pada abad ke 10 hingga abad ke 13 M*' sebagai tajuk kajian penulis.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan meneliti latar belakang Andalus sebagai pusat tamadun Islam dan pusat kegiatan keilmuan, sumbangan para sarjana Islam terdahulu dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan dan cara ilmu tersebut mengalir ke Eropah, bidang ilmu pengetahuan yang tersebar ke Eropah dan

kesannya kepada perkembangan keilmuan dengan tertubuhnya institusi pengajian tinggi seperti universiti yang terdapat di sekitar Eropah pada abad ke 12 dan 13 Masihi. Mudah-mudahan penulisan ini sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat kini dalam usaha menonjolkan kembali kegemilangan dan keunggulan tamadun Islam dalam konteks ilmu pengetahuan yang pernah dimiliki oleh orang-orang Islam pada zaman dahulu.

1.3 SKOP KAJIAN.

Bagi menghasilkan sebuah kajian yang baik, penulis telah membahagikan penulisan ini kepada tujuh bab yang penting termasuklah bahagian pendahuluan pada bab satu dan bahagian penutup di peringkat akhir penulisan. Penulis tidak akan melewati batas-batas skop yang telah ditentukan ini.

Pada bab satu atau pendahuluan, penulis telah menerangkan beberapa perkara asas dalam sesebuah penulisan ilmiah seperti latar belakang kajian, skop kajian, objektif kajian, metodologi kajian dan kajian perpustakaan.

Pada bab kedua, penulis akan menerangkan secara mendalam mengenai tamadun Islam Andalus dengan tumpuan khusus kepada peranannya sebagai pusat kegiatan keilmuan . Pada bahagian pengenalan, penulis terlebih dahulu menerangkan secara ringkas asal usul nama Andalus yang dikatakan berasal daripada perkataan ‘*vandalusia*’ dan digunakan oleh orang Arab sebagai Andalus ketika mereka tiba di situ. Seterusnya, penulis menghuraikan latar belakang sejarah Andalus sebelum dan

selepas kedatangan Islam. Penulis turut menghuraikan peranan yang dimainkan oleh para pemerintah Islam terhadap kegiatan tersebut, perkembangan kegiatan keilmuan dan kemunculan institusi-institusi keilmuan serta kemuncak Andalus sebagai pusat kegiatan keilmuan yang penting di benua Eropah.

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, tumpuan utama kajian ini adalah tentang peranan Andalus sebagai pusat pengaliran ilmu daripada tamadun Islam ke Eropah. Justeru perbincangan pada bab ketiga ini, penulis akan menjelaskan terlebih dahulu kewujudan Andalus sebagai pusat pengaliran ilmu daripada tamadun Islam ke Eropah dan seterusnya menghuraikan secara mendalam faktor-faktor yang membawa kepada keadaan tersebut. Faktor-faktor inilah yang menyebabkan Andalus mula dikenali di seluruh Eropah sebagai pusat tamadun Islam dan kegiatan ilmu pengetahuan sekaligus menggalakkan kehadiran para sarjana Barat datang ke Andalus untuk mendapatkan ilmu tersebut.

Sementara itu, bab keempat dianggap paling penting kerana pada bahagian inilah penulis akan menerangkan secara mendalam mengenai aktiviti penterjemahan yang dilakukan oleh sarjana Barat. Aktiviti penterjemahan ini merupakan jalan utama pengaliran ilmu pengetahuan ke Barat. Aktiviti penterjemahan di Andalus telah bermula sejak awal abad ke 10 M lagi dan berakhir pada akhir abad ke 13 M. Melalui aktiviti penterjemahan yang dilakukan oleh para sarjana Barat inilah segala ilmu pengetahuan dipindahkan ke Barat.

Seterusnya, perbincangan mengenai pengaliran ilmu daripada tamadun Islam ke Eropah penulis muatkan dalam bab kelima. Pada bahagian ini, penulis akan

membincangkan secara serentak ilmu pengetahuan yang diteroka dan dikembangkan oleh para sarjana Islam terdahulu terutamanya ilmu sains tulen, falsafah dan bidang teknologi serta penggunaan ilmu-ilmu tersebut sebagai rujukan utama di pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh Eropah pada Zaman Pertengahan. Tujuan penulis adalah supaya tidak timbul keraguan mengenai sumbangan para sarjana Islam seperti yang tidak diakui oleh sebilangan sarjana Barat masa kini.

Pada bab keenam, penulis akan membincangkan pula kesan pengaliran ilmu tersebut kepada pertumbuhan dan perkembangan keilmuan di Eropah dengan tumpuan kepada penubuhan universiti, perkembangan kurikulum dan pengaruh ilmu pengetahuan ke atas pemikiran para sarjana Barat sehingga Eropah mencapai Renaissance. Penulis mengakhiri penulisan ini dengan sebuah penutup atau kesimpulan umum bagi keseluruhan kajian.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN.

Melalui kajian ini, penulis berharap akan dapat mencapai beberapa objektif seperti yang terdapat di bawah:

1. Mengenalpasti peranan tamadun Islam dalam melahirkan tamadun Eropah melalui sumbangannya dalam bidang keilmuan.
2. Menunjukkan bahawa wujudnya interaksi ketamadunan atau dialog peradaban antara tamadun Islam dan Barat sejak Zaman Pertengahan lagi.

3. Menonjolkan sumbangan para sarjana Islam terdahulu terhadap perkembangan keilmuan.
4. Membuktikan bahawa pertumbuhan dan perkembangan keilmuan di Eropah dan tamadun dunia seterusnya datang dari pusat intelektual Islam di Andalus.
5. Menganalisa kegiatan keilmuan yang dilakukan oleh sarjana Barat dan peranan mereka dalam proses pengaliran ilmu ke Eropah.
6. Merumuskan bahawa tamadun Islam di Andalus yang bermula dari 711 M-1492 M bukan sekadar jambatan yang menghubungkan warisan tamadun Yunani Greco-Roman dengan tamadun Barat malah menyumbangkan pelbagai khazanah keilmuan kepada tamadun Barat moden hari ini.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Perkataan metodologi ini berasal daripada dua perkataan Yunani iaitu ‘*metodos*’ yang bererti jalan atau cara dan ‘*logos*’ bererti ilmu (Koentjaraningrat, 1986: 7). Metodologi penyelidikan dapatlah diertikan sebagai satu cara atau usaha yang bersifat sistematik dan objektif bertujuan untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat dengan lebih teliti dan efisien. Dengan erti kata lain, metodologi atau kaedah sesuatu kajian ialah cara kajian itu dilakukan untuk mencapai objektif yang telah digariskan.

Biasanya sebuah kajian ilmiah dilakukan dengan menggunakan dua cara kajian iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Dalam penyelidikan ini, penulis

akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Pengamatan penulis akan tertumpu kepada dokumen-dokumen sejarah seperti buku, jurnal, kertas kerja, majalah, dan bahan-bahan bertulis yang lain.

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan data dan maklumat. Metode pertama yang digunakan oleh penulis ialah metode dokumentasi. Melalui metode ini, penulis telah meneliti dan mengkaji sebanyak mungkin dokumen-dokumen , buku-buku dan bahan bacaan terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian penulis. Melalui cara ini, penulis akan mendapat gambaran yang jelas dan menyeluruh tentang perkara yang akan dikaji.

Seterusnya penulis menggunakan metode penelitian. Metode penelitian ini lebih bersifat kualitatif. Hal ini kerana data-data yang diperoleh dan dikumpul oleh penulis adalah dalam bentuk fakta dan huraihan bukannya dalam bentuk perangkaan. Data dalam bentuk fakta dan huraihan yang diperoleh daripada kajian penulis-penulis terdahulu ini akan diolah dan disusun mengikut cara penulis tanpa menjaskankan kebenaran fakta yang sedia ada. Bagi mengukuhkan data dan maklumat ini, penulis memasukkan keterangan bertulis berbentuk kata-kata atau pendapat beberapa penulis tertentu sebagai bahan rujukan utama (Nasution S, 1988: 117).

1.6 KAJIAN PERPUSTAKAAN

Penulis telah memilih beberapa buah penulisan terdahulu yang membincangkan berkaitan tajuk kajian ini. Antaranya ialah sebuah karya Rene Taton, terjemahan oleh A.J. Pomerans, 1963, bertajuk *History Of Science, Ancient And Medieval Science From The Beginning To 1450*, London : Thames And Hudson. Dalam bukunya yang bertajuk *History Of Science, Ancient And Medieval Science, From Beginnings to 1450*, Taton membincangkan ilmu sains Islam yang bermula pada Zaman Pertengahan (Middle Ages).

Menurut beliau, sains Islam telah mula berkembang subur sejak abad ke 8 Masihi dan pada masa ini hampir kesemua bidang ilmu diperoleh daripada ilmu Greek-Yunani yang telah diterjemah daripada bahasa Yunani kepada bahasa Arab. Pada mulanya, Timur menjadi pusat pendidikan, sarjana dari Persia, Mesir, Syria dan India berkumpul di Baghdad, kemudiannya apabila Andalus ditakluk oleh Umayyad, maka Kordova mula mengambil tempat Baghdad. Andalus telah muncul sebagai pusat intelektual yang unggul di Eropah. Dari sinilah ilmu sains Islam mula mengalir ke Barat dan Taton menolak fakta bahawa Perang Salib yang membawa Barat berhubungan dengan orang Islam di Timur (Rene Taton, 1963: 396).

Menurut beliau, abad ke 11 M merupakan zaman keemasan tamadun Islam di Andalus, ketika ini telah muncul ramai saintis Islam yang sangat hebat seperti ahli astronomi iaitu Ibn Yunus, ahli fizik Ibn Al-Haitham yang pakar dalam bidang optik, dan yang paling terkenal ialah Ibn Sina dan Biruni. Pada abad ke 12 M, sains Islam telah mula tersebar dan berkembang subur di negara-negara Eropah dan dianggap

sebagai permulaan kepada kebangkitan semula intelektual Barat sehingga tamadun Barat mencapai kemuncak kegemilangannya pada hari ini (Rene Taton, 1963: 398).

Buku kedua yang dipilih oleh penulis ialah hasil karya A.C. Crombie, 1952, bertajuk *Augustine to Galileo, The History of Science A.D 400-165*, London: William Heinemann LTD. Dalam buku ini, Crombie mengatakan bahawa sains moden yang mula diterima oleh wilayah Kristian Barat pada abad ke 12 Masihi kebanyakannya dalam bentuk bahasa Arab. Walaupun sumber asal ilmu tersebut datangnya daripada Yunani kuno. Sarjana Islam telah berusaha melakukan penterjemahan dan penyaringan ilmu.

Secara beransur-ansur ilmu yang dimiliki oleh orang Islam ini mula memasuki wilayah Kristian melalui hubungan perdagangan yang berlaku antara Kristian dan Islam. Misalnya, pada abad ke 9 M, Bandar seperti Venice, Naples, Bari dan Amalfi, kemudiannya Pisa dan Genoa menjalin hubungan perdagangan dengan orang Islam di Sicily dan Timur Mediterranean. Pada abad ke 11 M, Rahib dari St.Benedict Monte Cassino iaitu Constantine the African telah menemui karya Galen dan Hippocrates melalui ensiklopedia perubatan yang dihasilkan oleh doktor Haly Abbas.

Pada abad ke 12 M, Adelard of Bath mengembara ke selatan Itali dan Syria dan pada permulaan abad ke 13 M, Leonardo Fibonacci of Pisa telah ke Utara Afrika atas urusan perniagaan dan memperoleh ilmu matematik Islam di situ (A. C. Crombie, 1952: 20).

Namun begitu, menurut Crombie, pusat terpenting pengaliran ilmu Islam dan sains Yunani ke Eropah adalah di Andalus dan Sicily. Andalus telah menjadi pusat utama penterjemahan ilmu daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin. Antara tokoh-tokoh sarjana yang datang dari Barat ialah Gerard of Cremona, Adelard of Bath, Robert Chester, Alfred of Saraschel, Plato of Tivoli dan lain-lain. Dari akhir abad ke 12 sehingga akhir abad ke 13 M, jumlah penterjemahan yang dibuat secara terus melalui bahasa Yunani dan secara tidak langsung melalui bahasa Arab meningkat dan pada abad ke 14 M, aktiviti penterjemahan ini secara praktikalnya telah berhenti apabila Mesopotamia dan Persia ditawan oleh orang Monggol (A. C. Crombie, 1952: 21).

Penulis juga telah memilih buku George Sarton, 1975, yang bertajuk *Introduction To The History Of Science, volume II From Rabbi Ben Ezra To Roger Bacon*, New York: Robert E. Krieger Publishing Company. Buku ini adalah hasil karya George Sarton, iaitu seorang professor di Universiti Harvard. Secara keseluruhannya, buku ini menyentuh tentang perkembangan sains dan intelektual yang berlaku pada abad ke 12 dan 13 Masihi di Eropah. Penulis memilih buku ini sebagai salah satu sumber rujukan utama dalam penyelidikan ini kerana memberi input yang menyeluruh tentang perkembangan keilmuan yang berlaku pada Zaman Pertengahan terutamanya aktiviti penterjemahan yang berlaku di Andalus pada abad ke 12 dan 13 M.

Sarton telah membahagikan pertumbuhan dan perkembangan sains dan teknologi dalam skop masa yang tertentu iaitu pada bahagian pertama abad ke 12 M (dikenali sebagai masa William of Conches, Abraham ibn Ezra dan Ibn Zuhr),

bahagian kedua abad ke 12 M (masa Gerad of Cremona, Ibn Rush dan Maimonides), bahagian pertama abad ke 13 M (Robert Grosseteste, Ibn al-Baitar dan Jacob Anatoli) serta bahagian kedua abad ke 13 M (masa Roger Bacon, Jacob ben Mahir ibn Tibbon dan Qutb al-din al-Shirazi).

Sebagai contoh, penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin , Sarton menjelaskan bahawa penterjemah yang paling awal dan terkenal ialah seorang lelaki Inggeris iaitu Adelard of Bath. Pada tahun 1126 M, beliau telah menterjemah jadual astronomi hasil karya Al-Khwarizmi yang telah disemak semula oleh Maslama ibn Ahmad Al-Majriti (George Sarton, 1975: 114).

Di samping itu, Sarton juga turut membincangkan pertumbuhan dan perkembangan universiti-universiti yang terdapat di seluruh Eropah pada zaman tersebut, antaranya ialah Universiti Salerno, Bologna, Paris, Montpellier dan Oxford (George Sarton, 1975: 352).

Selain itu, untuk mendapatkan maklumat yang agak mendalam tentang pertumbuhan dan perkembangan tamadun Islam di Andalus, maka penulis telah memilih buku yang dihasilkan oleh seorang sarjana Muslim iaitu Anwar G Chejne, 1974, yang bertajuk *Muslim Spain, Its History And Culture*, Minneapolis: The University Of Minnesota Press. Dalam buku ini, beliau membincangkan secara menyeluruh tentang sejarah, budaya dan pencapaian intelektual orang Islam di Andalus.

Sebagai contoh, beliau menyatakan bahawa pada abad ke 10 M, Kota Kordova muncul sebagai sebuah kota kosmopolitan dan sofistikated dalam dunia Islam dan Eropah. Kota Kordova menjadi model dalam pembinaan bangunan dan fesyen dengan adanya masjid Kordova yang sangat hebat dan istana-istana yang indah seperti Al-Zahra yang dibina oleh Abd al-Rahman III dan Al-Zahirah oleh Ibn Abi Amir. Selain itu , Andalus turut terkenal kerana mempunyai sebanyak 1600 buah masjid, 900 tempat mandi awam, 213,077 rumah kediaman awam, 60,300 rumah bangsawan, menteri, setiausaha, ketua tentera dan pegawai-pegawai kerajaan lain serta sebanyak 80,455 buah kedai (Anwar G. Chejne, 1974: 135).

Beliau juga menjelaskan bahawa Andalus berperanan penting sebagai jambatan yang menghubungkan Timur dan Barat. Menurutnya , pada awal abad ke 12 M, sarjana dari Perancis, England, Itali dan German telah datang ke Andalus untuk mendapatkan ilmu dan mempelajari serta memahami kebudayaan orang Islam. Hal ini menjadi satu kelebihan bagi mereka untuk menterjemahkan secara terus karya orang Islam daripada bahasa Arab kepada bahasa Latin dan bahasa Eropah yang lain.

Daripada perbincangan beliau, penulis dapat membuat kesimpulan di sini bahawa aktiviti keilmuan dan penterjemahan yang berlaku di Andalus bukan sahaja memberi sumbangan kepada pertukaran idea dan peminjaman ilmu malah kepada kemunculan dan perkembangan intelektual di Eropah yang menjadi permulaan kebangkitan semula Eropah pada zaman berikutnya.

Antara lain, sumber rujukan utama yang menjadi pilihan penulis ialah hasil penulisan seorang professor sejarah sains di Universiti Winconsin, Madison iaitu

professor David C. Lindberg, 1978, melalui penulisan beliau yang bertajuk *The Transmission of Greek and Arabic Learning to the West*, Chicago: The University Of Chicago Press. Penulis mendapat gambaran yang jelas tentang aktiviti penterjemahan dan pemindahan ilmu yang berlaku di Eropah pada Zaman Pertengahan.

Menurut beliau, Andalus menjadi pusat penterjemahan utama bahasa Arab kepada bahasa Latin. Hal ini kerana orang Islam di Andalus memiliki kebudayaan Arab yang sangat tinggi termasuklah menyediakan teks Arab (terjemahan daripada karya Yunani yang asal) yang dihasilkan oleh ahli matematik, astronomi dan fizik dari Timur dan karya-karya saintifik lain yang dihasilkan di sini (David C. Lindberg, 1978: 59).

Tambahan pula, Andalus mempunyai komuniti Kristian yang dikenali sebagai orang Mozarab yang boleh menguasai budaya dan kesusasteraan Arab dan berperanan penting sebagai orang tengah antara orang Islam dan wilayah Latin. Selain itu, Andalus juga mempunyai penduduk yang mahir dalam dua bahasa iaitu bahasa Arab dengan bahasa Roman atau bahasa daerah yang lain. Menurut beliau lagi, Andalus bukanlah bersifat tertutup kerana pada satu masa Andalus menjalankan perdagangan bebas dan mempunyai hubungan kebudayaan yang baik dengan wilayah Kristian di sebelah Utara (David C. Lindberg, 1978: 59).

Seterusnya, penulis juga banyak mendapat maklumat tentang tamadun Islam Andalus melalui penulisan seorang sarjana Islam iaitu Imamuddin S.M, 1981, *Muslim Spain 711-1492 A.D, A Sociological Study*, Leiden: E.J. Brill. Secara keseluruhannya buku ini menggambarkan secara kasar tentang kegiatan sosial dan

kebudayaan masyarakat Islam Andalus bermula dari zaman kemasukan Islam di Andalus pada tahun 711 M sehingga keruntuhan kerajaan Islam pada tahun 1492 M. Pada bahagian pendahuluan, Imamuddin membincangkan sedikit sebanyak tentang keadaan geografi dan bentuk fizikal bumi Andalus, diikuti dengan keadaan sosial, politik, agama dan ekonomi Andalus sebelum kemasukan Islam serta sumber-sumber rujukan primer dan sekunder berkaitan dengan sejarah sosio-ekonomi dan budaya masyarakat Islam Andalus.

Perbincangan seterusnya menyentuh kehidupan masyarakat, pentadbiran sivil, organisasi tentera, pertanian, mineral dan industri, perdagangan, aktiviti kesusteraan, sains, seni bina, kesenian dan muzik. Bahagian terakhir buku ini mengandungi huriaian tentang tamadun Islam di Andalus dan pengaruh tamadun Islam kepada Eropah. Menurut Imamuddin S.M, masyarakat Islam Andalus berperanan penting sebagai pembawa cahaya kepada Eropah yang berada dalam keadaan kegelapan pada zaman tersebut.

Penulis juga menggunakan sebuah lagi penulisan Imamuddin S.M diterbitkan pada tahun 1963 bertajuk *The Economic History Of Spain*, Dacca: Asiatic Society Of Pakistan. Dalam buku ini, penulis banyak mendapat maklumat mengenai ekonomi Andalus terutamanya dalam aktiviti perdagangan Andalus dengan negara-negara luar termasuklah negara-negara Islam di sebelah Timur, negara Asia serta negara-negara Kristian di Barat dan Timur Eropah. Daripada perbincangan ini, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa Andalus bukanlah sebuah wilayah pemerintahan Islam yang mundur di Eropah, sebaliknya sebuah tamadun Islam yang sangat kaya dengan

sumber asli dan terkenal sebagai pusat perdagangan utama dunia pada Zaman Pertengahan.

Selain itu, penulis juga memilih hasil tulisan W. Montgomery Watt, 1965, *A History Of Islamic Spain*, Edinburgh: Edinburgh University Press. Beliau ialah salah seorang sarjana Barat yang banyak menulis tentang sejarah dan perkembangan tamadun Islam Andalus. Dalam buku ini, Watt telah membincangkan secara menyeluruh mengenai tamadun Islam Andalus bermula daripada kemasukan orang Islam ke Andalus pada tahun 711 M, kegembilangan kerajaan Islam di bawah pemerintahan Khalifah Umayyad, keruntuhan pemerintahan Arab , kerajaan Islam di bawah pemerintah Barbar sehingga kepada Dinasti Nasrid dan kejatuhan kerajaan tersebut pada tahun 1492 M.

Pada bahagian terakhir buku tersebut, Watt telah membincangkan secara keseluruhan kepentingan agama Islam itu sendiri kepada Andalus sehingga muncul sebagai wilayah pemerintahan orang Arab Islam yang gemilang di Eropah dan kesannya kepada kerajaan Kristian di Andalus dan Eropah itu sendiri. Buku ini banyak memberi maklumat kepada penulis terutamanya mengenai kegembilangan kerajaan Islam Andalus pada zaman pemerintahan Khalifah Umayyad dan beberapa maklumat lain.

Secara keseluruhannya, daripada ringkasan kajian perpustakaan di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa kesemua penulisan tersebut menyentuh perkembangan Andalus sebagai pusat tamadun Islam dan pusat kegiatan keilmuan yang gemilang pada Zaman Pertengahan. Terdapat juga di kalangan penulis Barat yang mengiktiraf

peranan dan sumbangan tamadun Islam terhadap perkembangan keilmuan yang berlaku di Eropah sejak Zaman Pertengahan sehingga tamadun Barat mencapai kemuncaknya pada hari ini. Sebenarnya terdapat banyak lagi karya yang menyentuh tentang sumbangan tamadun Islam terhadap perkembangan keilmuan di Eropah terutama di Andalus, tetapi pendekatan dan gambaran yang digunakan oleh mereka berbeza dengan penulis.